

Khamis, 31 Oktober 2019 | 3:51pm



**MENTERI** Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub bergambar bersama peserta pada majlis sambutan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Ke-50 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), hari ini. - Foto BERNAMA

## Bekalan sayur, ikan cukup - Salahuddin

Oleh Mohd Azrone Sarabatin  
azrone@bh.com.my

**SERDANG:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan memastikan bekalan ikan serta sayur mencukupi sepanjang musim tengkujuh ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata setakat ini kementerianya belum menerima sebarang laporan berhubung kekurangan bekalan di seluruh negara.

Katanya, pihak kementerian akan memastikan bekalan mencukupi dan sekiranya berlaku kekurangan bekalan, kerajaan akan bertindak segera mengimport bahan makanan berkenaan.

Beliau berkata setiap hujung tahun, khususnya musim tengkujuh, pihaknya akan menerima laporan berhubung kekurangan bekalan dan tindakan segera diambil bagi mengatasi masalah itu.

\*“Kita akan pastikan rakyat boleh mendapatkan bekalan yang mencukupi,” katanya kepada media selepas merasmikan majlis sambutan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Ke-50 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini, hari ini.

Hadir sama, Ketua Pengarah MARDI, Datuk Mohamad Roff Mohd Noor.

Salahuddin berkata kementeriannya akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk memastikan peniaga mematuhi harga sayur serta ikan ditetapkan dan tidak membebaskan pengguna .

Dalam pada itu, beliau berkata peruntukan RM43 juta untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) Industri Pertanian 4.0 sebahagian besarnya diagihkan kepada MARDI bagi membangunkan baka berkualiti dan produktiviti tinggi sebagai pemangkin Rancangan Malaysia Ke-12 dan Dasar Agromakanan Negara 2.0.

Katanya, saintis institut itu perlu memanfaatkan peruntukan berkenaan untuk menghasilkan produk agromakanan yang boleh menjana pendapatan.

“Kita menggalakkan saintis MARDI untuk menghasilkan lebih banyak produk bermutu tinggi dan mampu menembusi pasaran antarabangsa, sekali gus memanfaatkan petani tempatan,” katanya.

